

UniMAP SAMBUT MAAL HIJRAH

SETIAP TAHUN - NAIB CANSOLOR

ARAU, 6 Oktober - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) akan menjadikan sambutan Maal Hijrah sebagai acara tahunannya selepas mengadakan majlis itu buat pertama kalinya hari ini, kata Naib Canselor universiti itu Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Beliau berkata acara itu dianjurkan bagi mengingatkan umat Islam supaya menghayati perjuangan Nabi Muhammad SAW dan pengorbanan baginda berhijrah dari Kota Mekah ke Kota Madinah yang tercatat dalam Al-Quran. "Konsep hijrah ini, jika dihayati, mampu mecubah diri orang beriman dalam pelbagai konteks termasuk mengadakan hubungan dan kerjasama dengan pihak yang membawa kebaikan," katanya kepada Bernama pada majlis sambutan di kampus induk UniMAP di sini.

Pada majlis itu, ceramah Maal Hijrah dan penyampaian anugerah kepada warga UniMAP turut diadakan. Bekas Pengarah Pusat Islam UniMAP Hassan Arshad dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah UniMAP 2017 manakala pengarah Pusat Kesihatan universiti itu Prof. Madya Dr. Mohamad Iqbal Omar dan pengawal keselamatan Nordin Harun masing-masing menerima anugerah khas Tokoh Harapan Maal Hijrah. Dua pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pemesinan dan Integrasi Eletronik, Muhammad Syahmi Ahmad Tamili dan Nur Syuhada Tasnim Kayati pula menerima anugerah khas Tokoh Siswa Islam.

